

ID39

**KONSEP KHIYAR DALAM MUAMALAT DI MALAYSIA:  
SATU TINJAUAN BERDASARKAN KITAB *MUGHNI AL-  
MUHTAJ* SYEIKH MOHAMMAD AL-KHATIB AL-SYARBINI<sup>1</sup>**

Dr. Aminurraasyid bin Yatiban<sup>2</sup>, Hairon bin Zainal Abidin<sup>3</sup>, Mohamad Yusop bin Mohd Jani<sup>4</sup>,  
Mohd Sufli bin Yusof<sup>5</sup>, Mathivannan a/l Jaganathan<sup>6</sup>

**Abstrak**

Secara asasnya, sesuatu akad yang telah dipersetujui hendaklah dilaksanakan secara terus. Namun sedikit kelonggaran diberikan kepada kedua-dua belah pihak yang berakad untuk menarik balik akad tersebut disebabkan sesuatu perkara. Konsep ini disebut sebagai khiyar. Hikmah khiyar disyariatkan adalah untuk memperkukuhkan konsep reda dalam urusan niaga. Persoalannya sejauhmanakah konsep khiyar itu dibenarkan dalam Islam. Kajian ini menganalisis konsep khiyar menurut pandangan mazhab Syafi'i berdasarkan kitab *Mughni al-Muhtaj* yang dilihat bersesuaian untuk diimplimentasikan dalam masyarakat di Malaysia. Kitab *Mughni al-Muhtaj* karangan Syeikh Mohammad al-Khatib al-Syarbini menjelas dan menghuraikan teks *Minhaj al-Talibin* karangan Imam al-Nawawi, kedua-duanya bermazhab Syafi'i. Belum ditemui lagi sebarang kajian yang telah dilakukan terhadap pandangan Syeikh Mohammad Khatib al-Syarbini mengenai konsep khiyar melalui karangannya itu. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang bersifat tekstual dengan memfokuskan kaedah penyelidikan melalui kajian kepustakaan. Data yang diperolehi dari kajian ini dianalisis menggunakan kaedah analisis isi. Kajian ini mendapati bahawa konsep khiyar amat luas penggunaannya sehingga meliputi juga akad yang lain seperti akad salam, syarikat, sharf dan sebagainya. Terdapat dua jenis khiyar yang utama iaitu khiyar tasyah dan khiyar naqisah. Terdapat akad yang tidak boleh diberikan hak khiyar seperti akad nikah, syuf'ah, sewaan dan lain-lainnya. Namun dalam keadaan yang tertentu hak khiyar tidak boleh digunakan seperti jika keaiban itu amat sedikit dan tidak merosakkan tujuan pembelian tersebut. Persoalan timbul adakah hak khiyar ini turut terlaksana terhadap mana-mana akad yang telah dipersetujui tetapi belum berlaku sebarang penyerahan barangan.

**Kata kunci:** Khiyar, Muamalat, *Mughni al-Muhtaj*, al-Syarbini

**PENDAHULUAN**

Kedatangan Islam sebagai membawa rahmat ke seluruh alam dapat dilihat dalam pelbagai dimensi ajarannya. Konsep khiyar dalam pelaksanaan sesuatu akad muamalat mengandungi hikmah untuk memenuhi keperluan manusia (Wahbah al-Zuhaili, 1989, h.250). Bahkan Dr. Muhammad Salah (1990) juga menyentuh konsep khiyar ketika membincangkan isu pelaburan bank menggunakan akad salam. Namun tulisan ini cuba menyorot konsep khiyar melalui kitab *Mughni al-Muhtaj* karangan Syeikh Muhammad al-Khatib al-Syarbini yang menghuraikan matan *Minhaj al-Talibin* tulisan Imam al-Nawawi. Tulisan ini bukanlah suatu kajian perbandingan fiqh di antara pelbagai mazhab, tetapi bertujuan untuk meninjau

<sup>1</sup> Kajian ini adalah sebahagian daripada projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran penyelidikan oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) dan Pusat Penyelidikan Koridor Utara (NCRU), Universiti Utara Malaysia.

<sup>2</sup> Pengarah, Institut Kecemerlangan Pengajian Baitulmaqdis (IEIJS) dan Pensyarah Kanan Sekolah Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia

<sup>3</sup> Felo Bersekutu, Institut Kecemerlangan Pengajian Baitulmaqdis (IEIJS) dan calon Doktor Falsafah Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia.

<sup>4</sup> Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Universiti Utara Malaysia

<sup>5</sup> Pensyarah Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Universiti Utara Malaysia

<sup>6</sup> Pensyarah Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Universiti Utara Malaysia

dan meneliti sejauhmanakah konsep khiyar menurut mazhab Syafi'i terlebih dahulu dihuraikan. Matan Minhaj telah dihuraikan oleh ramai ulamak, seperti Syeikh Ramli melalui karya Nihayah al-Muhtaj, Ibnu Hajar al-Haithami melalui karya Tuhfah al-Muhtaj dan sebagainya, namun tulisan Syeikh al-Syarbini ini masih belum diketengahkan. Penulis akan cuba meneliti konsep dan kajian yang dimuatkan dalam tulisan beliau.

## PENGERTIAN DAN KONSEP KHIYAR

Pengertian khiyar tidak disebutkan dalam matan Minhaj tetapi dijelaskan oleh Syeikh Al-Syarbini iaitu memberikan pilihan sama ada hendak meneruskan akad atau membatalkannya. Walaupun pada dasarnya sesuatu akad jualbeli itu mestilah konsisten (اللزوم) melalui pertukaran barang jualbeli, namun hak khiyar diberikan sebagai suatu kelonggaran dan keselesaan ( رفقا ) bagi kedua-dua belah pihak sebelum memuktamadkan kehendak masing-masing.

Hal ini membawa maksud barangan pertukaran yang diserahkan oleh kedua-dua belah pihak yang berakad akan dipulangkan semula kepada tuannya jika akad berkenaan dibatalkan.

## PENSYARIATAN KHIYAR

Terdapat beberapa hadis yang telah dinyatakan oleh Syeikh al-Syarbini dalam menjustifikasikan konsep khiyar dalam karangannya ini. Beliau menyebut bahawa dalil bagi Khiyar Majlis diambil daripada sebuah hadis di mana Rasulullah s.a.w. bersabda: البيعان بالخيار ما لم يتفرقا أو يقول أحدهما للأخ اختر (Al-Bukhari, no. 2109, j.2, h.91) yang bermaksud: "Dua orang yang berjualbeli itu adalah dengan khiyar selagi mereka belum berpisah, atau sehinggalah salah seorang berkata kepada pihak yang lain, buatlah pilihan".

Bagi Khiyar Syarat, beliau merujuk satu hadis bahawa Ibnu Umar mengadu mengenai seorang Ansar yang berbohong dalam jualbeli, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: إذا بايعت فقل لا خلاية , maksudnya: ".apabila kamu berjualbeli maka katakanlah tidak boleh berbohong" (al-Bukhari, no. 2117). Namun terdapat tambahan lafaz hadis dalam riwayat yang lain<sup>1</sup>: فقل لا خلاية و أنت بالخيار في كل سلعة ابتعتها ثلاث ليال , bermaksud: "maka katakanlah tidak boleh berbohong dan engkau boleh membuat pilihan (khiyar) bagi setiap barangan selama tiga malam".

Manakala bagi Khiyar 'Ayb pula, di antara dalil yang digunakan oleh al-Syarbini ialah sabda Nabi s.a.w.: من غشنا فليس منا yang bermaksud: "sesiapa yang menipu kami maka dia bukanlah daripada golongan kami" (Muslim, no. 164, Kitab al-Iman). Dan juga hadis: المسلم أخو المسلم , لا يحل لمسلم باع من أخيه شيئا يعلم به عيبا إلا بينه maksudnya: "Seorang muslim adalah saudara kepada seorang muslim (yang lain), tidak halal baginya menjual suatu barang yang diketahui rosak (cacat) kepada saudaranya kecuali hendaklah dia menerangkan kecacatannya" (Ibnu Majah, No. Bab 45 : al-Tijarah).

## JENIS-JENIS KHIYAR

Terdapat beberapa jenis khiyar, Imam al-Nawawi dalam matan Minhaj ini membahagikan khiyar kepada tiga jenis iaitu khiyar majlis, khiyar syarat dan khiyar 'ayb. Namun Syeikh Al-Syarbini didapati memulakan pembahagian khiyar secara lebih umum iaitu khiyar terbahagi kepada dua jenis, iaitu khiyar tasyahh ( خيار تشه ) dan khiyar Naqishah ( خيار نقیصة ).

<sup>1</sup> ..

Khiyar tasyahh berkaitan peluang membuat pilihan atau mengikut sesuatu kehendak tanpa melihat kepada kekurangan atau kecacatan yang terdapat pada barang jualan. Oleh itu ia terbahagi kepada Khiyar Majlis dan Khiyar Syarat.

Manakala Khiyar Naqisah pula berlaku disebabkan terdapatnya percanggahan dalam lafaz akad, wujudnya unsur penipuan atau menyalahi daripada keadaan kebiasaan. Terdapat pelbagai jenis khiyar di bawah kategori ini seperti khiyar 'ayb, al-tashriyyah, al-halaf, talaqqi al-rukban dan sebagainya.

### **Khiyar Majlis**

Tidak dinyatakan secara jelas pengertian khiyar majlis oleh Imam Nawawi dan Syeikh Al-Syarbini. Namun dapat difahami daripada huraian hukumnya bahawa khiyar majlis itu bermaksud hak kepada penjual dan pembeli untuk memuktamadkan pelaksanaan akad jualbeli mereka selama tempoh mereka masih bersama-sama berada di premis jualbeli berkenaan.

Apa yang menarik, khiyar majlis tidak hanya diaplikasikan terhadap akad jualbeli biasa sahaja, malahan ia meliputi semua jenis akad jualbeli seperti akad al-Sharf, jualbeli makanan dengan makanan, akad salam, akad al-tauliyah dan sebagainya.

### **Akad Yangg Dikecualikan Khiyar**

Walaupun semua jenis akad jualbeli dan kebanyakan akad-akad yang lain mempunyai hak khiyar, dalam matan Minhaj, Imam Nawawi menyebut beberapa akad yang tidak mempunyai khiyar padanya iaitu perlupusan hutang, nikah, hibah, syuf'ah, sewaan, al-musaqah dan nafkah. Asy-Syarbini menjelaskan bahawa perlupusan hutang, nikah dan pemberian hibah itu sememangnya bukanlah sejenis jualbeli. Bahkan beliau menambah beberapa akad yang turut tidak mempunyai khiyar majlis ialah al-hiwalah, waqaf, talak, qiradh, bersyarikat, al-wakalah, al-rahn dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, Imam Nawawi mengatakan bahawa menurut qaul yang paling sahih baki empat akad lagi iaitu syuf'ah, sewaan, al-musaqah dan pemberian nafkah itu juga tiada khiyar padanya, walaupun pendapat yang sebaliknya mengatakan masih boleh mengaplikasikan khiyar majlis padanya.

Syeikh al-Syarbini telah mengatakan bahawa pemberian nafkah itu boleh diqiaskan pula kepada pemberian bayaran untuk khulu'. Ini bermakna ia juga tidak mengandungi khiyar majlis padanya.

### **Tamat Tempoh Khiyar Majlis**

Didapati bahawa sesuatu akad jualbeli dikira telah sempurna dan tiada hak khiyar kepada kedua-dua belah pihak apabila berlaku dua keadaan iaitu; 1) apabila terdapat pernyataan untuk meneruskan akad berkenaan seperti katanya "kita teruskan akad ini", "kita batalkan khiyar" atau sebagainya. 2) Hak khiyar majlis juga gugur apabila mereka berpisah secara fizikal menurut 'urufnya, walaupun perpisahan itu berlaku dengan tidak sengaja, dengan terlupa atau kerana kejahilan mengenai hukum khiyar majlis. Keadaan ini berbeza pula jika mereka dipaksa untuk keluar daripada majlis, dalam keadaan terpaksa ini hak khiyar majlis mereka masih valid.

Asy-Syarbini menjelaskan bahawa ukuran atau maksud perpisahan daripada majlis itu adalah memadai berdasarkan uruf orang ramai. Menurut beliau, ini kerana sesuatu perkara yang tidak ditentukan secara spesifik oleh syarak dan tidak pula dijelaskan maksudnya dari segi bahasa maka ia perlulah dilihat pemakaiannya pada uruf masyarakat.

Persoalan yang menarik juga ditimbulkan, iaitu bagaimanakah keadaannya jika salah seorang yang berakad itu meninggal dunia dalam waktu khiyar majlis berkenaan masih valid. Mereka berpendapat bahawa hak khiyar itu akan berpindah kepada warisnya jika berlaku kematian. Tetapi jika berlaku kes kehilangan akal seperti gila atau pitam maka hak khiyar tersebut berpindah kepada walinya. Perpindahan kuasa khiyar seperti dalam kedua-dua kes ini adalah terpakai juga bagi khiyar syarat dan khiyar 'ayb.

### **Mensyaratkan Tiadanya Khiyar Majlis**

Bagaimana pula jika pihak yang berakad itu membuat suatu ketetapan dalam jualbeli itu dengan menafikan adanya hak khiyar majlis? Dalam hal ini, Syeikh Al-Syarbini menjelaskan bahawa jualbeli itu dengan sendirinya menjadi tidak sah. Beliau memberikan alasan bahawa ia sama seperti menafikan sesuatu yang terkandung dalam akad jualbeli itu sendiri sama seperti jika penjual memberikan syarat tidak boleh terima barang jualan dalam jualbeli. Sebenarnya mereka tidak perlu menafikan hak khiyar majlis berkenaan, apa yang penting ialah mereka sepatutnya terus sahaja memuktamadkan akad jualbeli berkenaan.

### **Khiyar Syarat**

Tidak ditemui juga pengertian khiyar syarat dinyatakan secara spesifik oleh kedua-dua tokoh ini dalam kitab ini. Namun konsep dan hukum-hakam mengenainya telah dinyatakan dengan jelas dan terperinci. Misalnya kenyataan mereka, "adalah harus secara ijmak bagi orang yang berakad itu untuk menentukan suatu tempoh yang tertentu untuk memuktamadkan akad jualbeli berkenaan, dengan syarat ia mestilah dipersetujui oleh pihak yang kedua".

### **Tempoh Khiyar Syarat**

Tempoh masa untuk melaksanakan hak khiyar syarat ini mestilah dinyatakan secara jelas dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Mereka sepakat menyatakan bahawa tempoh khiyar syarat mestilah tidak melebihi tiga hari dan tempoh itu dikira bermula dari ketika berlakunya akad, bukannya setelah berpisah daripada majlis akad. Syeikh Al-Syarbini menjelaskan, ini kerana pada asasnya perpindahan milik sesuatu jualbeli itu sepatutnya berlaku secara terus selepas jualbeli berkenaan dipersetujui. Tetapi berdasarkan sebuah hadis mengenai pengaduan Ibnu Umar kepada Nabi s.a.w. tentang seorang Ansar yang selalu berbohong dalam jualbeli maka Nabi s.a.w. bersabda : "Apabila engkau berjualbeli maka katakanlah tidak boleh berbohong, dan engkau diberikan hak melakukan khiyar pada setiap barangan selama tiga malam" (Mughni al-Muhtaj, 1995, j.2, h.65). Hadis ini didapati dengan jelas menyebutkan mengenai tempoh khiyar sehingga tiga hari itu, pembeli mempunyai hak untuk membatalkan jualbeli berkenaan jika mereka mahu.

Hak khiyar bagi pembeli telah dinyatakan secara jelas melalui hadis tersebut, manakala hak penjual untuk berkhiyar pula, menurut Al-Syarbini, diambil melalui qias terhadap hak pembeli itu. Jika pembeli mempunyai peluang untuk memuktamadkan akadnya mengapa tidak diberikan pula hak untuk memuktamadkan jualan berkenaan kepada penjual. Walau bagaimanapun, akad tersebut dikira akan rosak dan terbatal jika mereka mensyaratkan agar diberikan tempoh yang lebih lama iaitu melebihi daripada tiga hari. Ini kerana ia telah menyalahi tempoh kebenaran yang telah dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadis berkenaan, meskipun terdapat pandangan lain menurut mazhab bukan Syafi'i Manakala kiraan tiga hari tersebut hendaklah termasuk kiraan malamnya bersekali.

Perlu ditegaskan bahawa khiyar syarat bukanlah sesuatu kemestian, tetapi ia adalah suatu keharusan atau persetujuan bersama kepada pihak yang berakad untuk bertenang dan memikirkan semula sebelum memuktamadkan akad tersebut.

## **Akad yang tidak diharuskan khiyar syarat**

Terdapat kenyataan bahawa kedua-dua tokoh ini bersetuju bahawa khiyar syarat ini boleh diaplikasikan terhadap semua jenis jualbeli kecuali bagi jualbeli yang mesti berlaku penerimaan (*al-qabdh*) barang jualan dalam majlis itu juga seperti akad jualbeli barang ribawi dan akad salam. Syeikh Al-Syarbini menjelaskan bahawa dua akad tersebut adalah contoh sahaja, akad ribawi terlarang kerana penyerahan timbal terima barang jualbeli mestilah berlaku daripada kedua-dua belah pihak ketika akad itu juga. Manakala akad salam juga dilarang walaupun hanya penyerahan awal disyaratkan berlaku daripada sebelah pihak terlebih dahulu sebelum barangan yang dtempah itu disediakan oleh pihak penjual. Ini kerana keharusan khiyar syarat padanya akan menambahkan lagi unsur gharar dalam kedua-dua jenis akad berkenaan menjadi dua kali ganda.

## **Pemilik sebenar barang jualan dalam tempoh khiyar**

Menurut Imam Nawawi, pemilik sebenar yang mempunyai hak terhadap sesuatu barang jualan itu adalah bergantung kepada siapakah pemilik hak khiyarnya. Ini menurut pendapat yang kuat. Jika hak khiyar adalah milik penjual maka barang tersebut adalah miliknya, dan begitulah jika sebaliknya.

Lanjutan daripada itu, Syeikh Al-Syarbini menjelaskan bahawa sebarang hasil atau faedah yang diperolehi daripada barang jualan itu bagi tempoh berkenaan, seperti susu lembu, buah-buahan, faedah berkhidmat/ bekerja dan sebagainya hendaklah dihukumkan mengikut pemilik sebenar barang jualbeli berkenaan.

Keadaan hukum ini akan berubah dan berbeza jika hak khiyar itu adalah hak bersama, di mana kedua-dua belah pihak mempunyai hak yang sama untuk berkhiyar. Oleh itu, didapati mereka mengatakan bahawa pemilik sebenar barang tersebut adalah bergantung kepada penyelesaian muktamad akad berkenaan. Jika akad diteruskan setelah tamat tempoh khiyar, bermakna pembeli adalah pemilik barang yang sebenarnya, dan begitulah pula jika keadaan yang sebaliknya berlaku.

Walau bagaimanapun, terdapat khilaf dalam isu ini, status tawaqquf ini adalah pendapat yang paling kuat dalam mazhab Syafi'e. Syeikh Al-Syarbini telah menjelaskan beberapa khilaf tersebut. Pendapat yang kedua mengatakan bahawa pemilikan itu adalah kepada pembeli secara mutlak kerana akad jualbeli telah sempurna dengan ijab dan qabul. Bahkan terdapat pendapat ketiga pula mengatakan bahawa ia adalah hak penjual secara mutlak, iaitu selagi belum jelas kepastian pertukaran milik terhadap barang jualan berkenaan.

## **Tatacara untuk menerus atau membatalkan akad**

Terdapat tatacara tertentu bagi pihak yang berakad untuk menyatakan keputusan muktamadinya terhadap akad jualbeli berkenaan. Imam Nawawi menyatakan bahawa mereka boleh menggunakan suatu lafaz yang dapat menunjukkan keinginan untuk meneruskan akad atau untuk membatalkannya, seperti "aku batalkanlah jualbeli ini", "aku tarik balik barang jualan" dan sebagainya. Begitu juga contoh lafaz untuk meneruskan jualbeli berkenaan seperti "saya teruskan jualbeli tersebut" dan sebagainya. Bahkan Al-Syarbini mengatakan bahawa lafaz-lafaz yang disebutkan itu adalah lafaz yang jelas dan lafaz yang secara langsung (*sarih*). Beliau menambah bahawa penggunaan lafaz kinayah boleh juga diterima, sama seperti penggunaannya dalam akad-akad yang lain.

Selain menggunakan lafaz-lafaz tersebut, Imam Nawawi juga menjelaskan bahawa keputusan tersebut boleh juga digambarkan melalui sesuatu tindakan seperti penjual

bertindak membebaskan hamba yang dijualnya itu dalam tempoh khiyar berkenaan atau pembeli telah menyewakan rumah yang dibelinya itu kepada orang lain.

### **Khiyar ‘ayb**

Pengertian khiyar ‘ayb juga tidak disebutkan dengan jelas dalam kitab ini. Imam Nawawi terus memulakan perbincangan tersebut dengan menyebut aplikasi khiyar ‘ayb iaitu pembeli diberikan hak untuk melakukan khiyar jika mendapati suatu kecacatan pada barang jualan. Kecacatan itu digambarkan sebagai kecacatan lama iaitu yang telah sedia ada ketika akad dilakukan, ataupun sekurang-kurangnya sebelum pembeli menerimanya. Ini kerana kecacatan itu dikira masih berada dalam tanggungan atau jaminan penjual dan ini menjelaskan bahawa pembeli tidak bertanggungjawab terhadapnya.

Kecacatan yang dimaksudkan pada barang jualan itu ialah apa sahaja kekurangan atau kecacatan yang mengurangkan nilai barang tersebut sehingga meluputkan atau mengurangkan faedah tujuan pembeliannya. Tetapi dengan syarat, pada kebiasaannya kecacatan itu sepatutnya tidak ada pada barang jualan berkenaan.

Syeikh Syarbini menjelaskan lagi maksud perkataan Imam Nawawi iaitu “kecacatan yang tidak mengurangkan maksud pembelian” menunjukkan bahawa tiada khiyar ‘ayb jika kecacatan itu amat sedikit atau pun seperti terpotongnya jari lebihan, di mana kekurangan tersebut langsung tidak menghilangkan maksud tujuan pembeliannya. Maka tidak perlu dipulangkan barang tersebut.

### **Kekecualian daripada Khiyar ‘Ayb**

Tidak semua kecacatan yang terdapat pada barang jualan boleh dikira membatalkan akad jualbeli. Ia bergantung kepada beberapa faktor. Imam Nawawi menyebut bahawa tiada khiyar jika kecacatan itu terjadi selepas pembeli menerima barang jualbeli tersebut. Begitu juga tiada khiyar jika pembeli telahpun mengetahui atau diberitahu mengenai kecacatan tersebut ketika akad. Khiyar ‘ayb juga ternafi disebabkan perbuatan pembeli itu sendiri yang walaupun jika ia terjadi sebelum pembeli menerimanya (qadh).

Lebih menarik lagi apabila Syeikh al-Syarbini memasukkan kekecualian mendapat khiyar itu juga adalah pembeli yang diisytiharkan mufлис, ataupun jika pembeli itu adalah wali kepada orang yang disekat urusniaganya. Begitu juga jika pembeli itu adalah wakil sahaja tetapi pemilik sebenar wakil itu meredai kecacatan tersebut.

Namun ada kemungkinan juga kecacatan yang berlaku ketika di tangan pembeli itu disebabkan tindakan yang terdahulu sebelum akad dilakukan seperti hamba sahaya itu dihukum potong tangan disebabkan tindakannya mencurinya pada masa yang lampau, maka ia masih boleh dipulangkan juga kepada penjual menurut pendapat yang paling kuat.

### **‘Ayb lama hanya diketahui melalui ‘ayb yang baru**

Terdapat dalam sesetengah keadaan, sesuatu ‘ayb itu terlindung dan tidak dapat diketahui oleh pembeli kecuali setelah dilakukan sesuatu yang merosakkan barang tersebut, seperti ‘ayb buah-buahan yang berulat hanya diketahui setelah membelahnya. Menurut kitab ini, pembeli masih dikira mempunyai hak untuk melakukan khiyar jika mengalami kecacatan seperti ini. Oleh itu, pembeli mempunyai hak untuk memulangkan semula barang tersebut, tanpa perlu membayar pampasan meskipun terdapat sebahagian buah yang telah rosak atau telah dimakan.

Walau bagaimanapun terdapat pandangan kedua yang mengatakan hendaklah dipulangkan barang tersebut dengan memberikan sedikit pampasan sebagai meraikan manfaat yang telah digunakan atau bahagian yang telah dimakan.

### **Jika berlaku pertikaian mengenai kecacatan**

Terdapat kemungkinan berlakunya pertikaian di antara pembeli dengan penjual mengenai kecacatan yang terdapat pada barang jualan, adakah kecacatan itu telah sedia ada pada penjual lagi atau ia berlaku ketika di tangan pembeli?

Persoalan ini agak menarik kerana implikasinya agak besar bagi kedua-dua belah pihak. Barang akan dipulangkan jika terbukti kecacatan itu memang sedia ada pada tangan penjual dan penjual pula akan memulangkan semula bayarannya, dan begitulah jika sebaliknya.

Namun dalam kitab ini, didapati bahawa jika kedua-dua belah pihak mempunyai kebarangkalian yang sama kuat hujahnya, maka hendaklah diterima dakwaan penjual. Ini disebabkan menggunakan prinsip asalnya barang jualan itu dikira tidak mempunyai 'ayb (menurut kebiasaannya). Tetapi prinsip ini digunapakai dengan syarat penjual itu hendaklah bersumpah mengatakan kecacatan itu tidak berlaku di tangannya. Sumpah penjual diperlukan sebagai pengukuhan kerana meraikan dakwaan pembeli yang berkemungkinan ada kebenarannya juga.

Berlainan pula keadaannya jika pendakwaan masing-masing mempunyai alasan yang kukuh dan jelas serta amat sukar ditolak. Pembeli akan diberikan haknya jika dakwaannya kuat seperti terdapat kesan parut kecederaan yang lama sedangkan jualbeli baru berlaku pada hari kelmarin. Begitu juga dalam kes yang lain, penjual akan diberikan haknya jika dakwaannya pula yang kuat seperti jika kecederaan yang berlaku pada binatang ternakan yang dijualnya itu masih basah sedangkan jualbeli telah berlalu setahun. Mereka tidak perlu untuk bersumpah dalam kedua-dua kes seperti ini kerana alasan yang diberikan amat jelas.

### **Tatacara Pemulangan Barang jualan**

Pemulangan barang jualan itu hendaklah dilakukan dengan kadar segera yang munasabah pada adatnya. Mereka berpendapat sedemikian kerana menggunakan hujah ia adalah ijmak ulamak, tambahan pula pada asasnya dalam jualbeli adalah konsisten (*al-luzum*).

Pembeli pula disyaratkan agar tidak lagi menggunapakai barang jualan tersebut setelah diketahui kecacatan berkenaan. Haknya untuk khiyar akan terbatal jika barang tersebut digunakan juga. Begitu juga, pembeli hendaklah memaklumkan kepada penjual mengenai kecacatan yang berlaku tersebut juga dengan kadar yang segera. Hak untuk khiyar juga akan hilang jika pemakluman berkenaan dilakukan dengan lewat tanpa keuzuran.

Bagi pembelian beberapa barang yang dibeli bersekali secara sekaligus, seperti jika seseorang itu membeli dua orang hamba secara sekaligus, adakah dia hanya berhak untuk memulangkan seorang hamba yang terdapat kecacatannya sahaja atau dia hendaklah memulangkan kedua-duanya sekali?

Dalam isu ini, didapati Imam Nawawi memilih pendapat yang kuat iaitu hendaklah dipulangkan kedua-duanya sekali kerana melihatkan akad pembelian terdahulu itu yang dilakukan secara bersekali, kecuali jika penjual bersetuju agar dipulangkan seorang sahaja. Namun Syeikh Syarbini menjelaskan bahawa terdapat pendapat kedua yang mengatakan

bahawa pembeli diberikan hak untuk memulangkan hamba yang cacat itu sahaja dan mengambil semula bahagian bayarannya sahaja.

Walau bagaimanapun, keadaan hukum ini akan berubah apabila barang jualbeli itu bersifat berpasangan seperti pasangan binatang atau pasangan ahli gusti dan sebagainya, maka pemulangannya mestilah juga secara berpasangan kerana padanya terdapat manfaat secara berpasangan yang saling berkait.

### **Pertambahan nilai/kuantiti barangan**

Terdapat kemungkinan berlaku pertambahan suatu nilai atau kuantiti tertentu pada barang jualan apabila ia hendak dipulangkan kepada penjual. Ini menimbulkan persoalan, adakah ia perlu dipulangkan bersekali dengan barangan jualan asal atau tidak?

Dalam kitab ini, didapati bahawa sebarang pertambahan nilai itu dibahagikan kepada dua jenis; iaitu sama ada pertambahan yang berada pada barang jualan itu sendiri (al-muttasilah) seperti bertambah gemuk binatang ternakan atau bertambah rendang pokok yang dibeli atau pertambahan yang berlaku secara terasing daripada barangan asalnya (al-munfasilah) seperti bertelurnya ayam atau mendapat bayaran upah sewaan dan sebagainya. Oleh itu, sebarang pertambahan yang berlaku pada barang jualan tersebut yang berada pada barang asalnya dan tidak dapat berpisah daripadanya, maka ia mestilah menuruti pergerakan barang asalnya. Ia hendaklah dipulangkan bersekali dengannya.

Berlainan keadaannya jika pertambahan itu adalah sesuatu yang diluar daripada barang jualan, di mana ia adalah menjadi milik pembeli dan tidak perlu dipulangkan.

Syeikh Al-Syarbini didapati memetik sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Tirmizi bahawa seorang lelaki telah membeli seorang hamba dan telah mengambil manfaat daripadanya, tetapi kemudian mendapati terdapat kecacatan padanya, lalu beliau mengadu kepada Nabi s.a.w., maka Nabi s.a.w. menyuruh dipulangkan semula hamba berkenaan. Namun penjual itu mempersoalkan bahawa dia telah menggunakan hamba tersebut. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: “ الخراج بالضمان ” yang bermaksud ‘semua faedah barang jualan adalah untuk pembeli tetapi dia bertanggungjawab jika terdapat sebarang kerosakan padanya (al-Tirmizi, no. kitab al-buyu’).

### **Penipuan Dalam Jualbeli**

Penipuan dalam jualbeli adalah haram dan pihak yang teraniaya diberikan hak memulangkan barang jualan melalui khiyar ‘ayb. Imam Nawawi memberikan contoh seperti al-Tashriyyah iaitu penjual tidak memerah susu binatang jualan agar ia kelihatan banyak menghasilkan susu. Contoh yang lain ialah menghitamkan rambut agar kelihatan lebih muda dan masih kuat dan sihat, barangan perhiasan daripada kaca tetapi dikatakan permata dan sebagainya.

Namun Syarbini menjelaskan bahawa jika kesilapan itu berpunca daripada kecuaiian seperti pembeli yang menyangka kaca itu permata lalu membelinya dengan harga yang mahal sedangkan penjual tidak melakukan pembohongan. Begitu juga jika penjual tersalah menjual permata yang disangkanya kaca dengan harga yang murah, dalam kedua-dua kes tersebut pihak yang cuai tidak mempunyai hak khiyar ‘ayb.

## **KESIMPULAN**

Konsep khiyar dalam akad amat luas perbincangannya meliputi akad muamalat dan bukan muamalat. Ia disyariatkan demi menjaga kepentingan pihak-pihak yang terbabit



daripada sesuatu yang tidak diinginkan. Penemuan penting yang dilakukan oleh Mohd Murshidi, et al. (2013) menunjukkan bahawa konsep khiyar tidak dimasukkan ke dalam undang-undang negara perlu diberikan perhatian. Begitu juga terhadap Akta Kontrak 1950, Akta Jualan Barangan 1957 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang dilakukan oleh Hasri Haron, Shofian Hj Ahmad dan Ruzian Markom (t.t) agar konsep khiyar boleh diimplimentasikan dengan lebih menyeluruh.

## RUJUKAN

Hak Khiyar dalam isu kepenggunaan di Malaysia : satu analisis

Hasri Harun, Shofian Hj Ahmad & Ruzian Markom. (t.t.). Aplikasi prinsip khiyar dalam jualan barangan : kajian terhadap Akta Kontrak 1950 (Akta 136).

Mohd Murshidi bin Mohd Noor. 2012. ***Analisis hadith al-khiyar menurut perspektif Fiqh al-Shafi'i dan Fiqh al-Bukhari***. Kuala Lumpur : Universiti Malaya. Tesis PhD

Mohd Murshidi Mohd Noor. ***et. al.*** 2013. The Rights of Khiyar (option) in the issue of consumerism in Malaysia. ***Middle-East Journal of Scientific Research*** 13 (2): 154-161

Muhammad al-Khatib al-Syarbini. 1995. ***Mughni al-Muhtaj ila ma'rifah ma'ani al-faz al-minhaj***. Beirut : Dar al-Fikr. Jil. 2.

Muhammad Hafiz Mohd Shukri & Ruzian Markom. 2013. Pengharmonian prinsip Khiyar al-Ru'yah dalam transaksi perniagaan di Malaysia. ***Makalah Kanun***, 25 Kanun (2) Disember 2013

Muhammad Salah Muhammad al-Sawi. 1990. ***Musykilah al-Istithmar fi al-bunuk al-islamiyyah wa kayfa 'alajaha al-Islam***. Mansurah : Dar al-wafa'.

Parviz Bagheri & Kamal Halili Hassan. (t.t.). The Application of the khiyar al-'aib (option of defect) principle in on-line contracts and consumer rights. ***European Journal of Law and Economics***. 33(3):565-575. (ISI)

Wahbah al-Zuhayli. 1989. ***Al-Fiqh al-Islami wa adillatuh***. Cet. ketiga. Dimasyq : Dar al-Fikr. Jil. 4

Al-Nawawi, Yahya bin Syarf. 1996. ***Sahih Muslim bi syarh al-imam al-Nawawi***. Cet. ketiga. Beirut : Dar al-Khair.

Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali. 1996. ***Fath al-Bari bi syarh sahih al-Bukhari***. Beirut : Dar al-Fikr.